



KENYATAAN MEDIA BERHUBUNG LAPORAN POLIS MENGENAI PELAJAR JURUSAN PERUBATAN DIHALANG MENDUDUKI PEPERIKSAAN

Universiti Malaya ingin menarik perhatian berhubung laporan polis yang dibuat oleh seorang pelajar jurusan perubatan atas dakwaan pihak pentadbiran Universiti Malaya telah menghalang beliau daripada menduduki peperiksaan kerana belum menerima suntikan vaksin COVID-19.

Oleh itu, Pengurusan Universiti memandang serius laporan tersebut dan sedang meneliti perkara ini secara lebih terperinci. Universiti Malaya juga terbuka untuk bekerjasama dengan semua pihak terbabit demi menyelesaikan perkara ini.

Sebagai sebuah universiti yang menerapkan nilai kebersamaan, Universiti Malaya sentiasa berjuang bersama-sama dengan rakyat Malaysia dalam memerangi wabak COVID-19. Adalah menjadi tanggungjawab Universiti Malaya untuk menyediakan kampus yang kondusif dan selamat kepada warga kampus dalam berdepan dengan pandemik ini.

Universiti Malaya bukan sahaja merupakan tempat melanjutkan pengajian tinggi, ia juga merupakan nadi kepada pelbagai aktiviti melibatkan orang ramai seperti rawatan perubatan, keagamaan, kebudayaan dan sukan. Oleh yang demikian, Universiti mengambil semua langkah berjaga-jaga yang diperlukan untuk memastikan risiko penyebaran jangkitan COVID-19 dalam kampus dapat dikawal.

Komitmen Universiti Malaya dalam memerangi wabak COVID-19 ini juga dapat dilihat melalui sumbangan pakar perubatan dan saintifiknya dalam pelbagai aspek. Ini termasuklah peranan Pusat Perubatan Universiti Malaya sebagai pusat rawatan bagi pesakit COVID-19 dan Universiti Malaya sebagai Pusat Pemberian Vaksin COVID-19.

Maka warga kampus terpanggil untuk sama-sama memikul tanggungjawab demi memastikan bukan sahaja diri sendiri dapat dilindungi, bahkan keluarga dan orang ramai turut sama terlindung. Semoga usaha Universiti Malaya ini mendapat sokongan semua pihak dalam usaha kita mencegah penularan wabak COVID-19, seterusnya menikmati kehidupan normal pada masa hadapan.

- Tamat -

Dikeluarkan pada 14 Jun 2021

**Mohd Khairi Md Jaafar
Pengarah
Pejabat Komunikasi Korporat**

Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, sila hubungi :

Encik Mohd Julian Borhanudin / Puan Mastura Mohamad Yusoff
012-338 2195 / 019-374 2151
mohdjulian@um.edu.my / masturayusoff@um.edu.my

Dikeluarkan oleh:
Pejabat Komunikasi Korporat (CCO)
Aras L, Bangunan Canseleri
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur
Tel: 03-7967 3238 Fax: 03-79560027 Emel: corporate@um.edu.my